

18/12/1998

PM rasmi projek Petronas di Vietnam

Jamhariah Jaafar in Hanoi

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merasmikan pengeluaran minyak mentah komersil dari telaga minyak Ruby terletak di luar pesisir Vietnam yang dikendalikan Petronas.

Sektor Ruby terletak kira-kira 155 kilometer di timur bandar Vung Tao adalah penerokaan dan projek pengeluaran pertama dilaksanakan Petronas sebagai pengendali.

Pengeluaran komersil sektor itu pada kadar awal 8,000 tong sehari (bpd) bermula sejak 22 Oktober 1998, 10 bulan lebih awal daripada jadual asal.

Minyak mentah yang dihasilkan di pelantar cari gali Ruby A itu disalurkan melalui paip dan diproses pusat kemudahan menyimpan terapung (FPSO) Ruby Princess.

Sektor terbabit merancang menghasilkan 20,000 bpd pada 1999 dan mencapai kemuncak 25,000 bpd menjelang tahun 2000.

Operasi Petronas di sektor itu yang membabitkan penggalan di antara blok 01 dan 02 bermula selepas kontrak perkongsian pengeluaran ditandatangani pada 9 September 1991 dengan PetroVietnam, syarikat minyak kebangsaan Vietnam.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata usaha gigih kedua-dua syarikat selama lapan tahun membabitkan pelaburan lebih AS\$200 juta itu akhirnya membuahkan hasil lumayan dengan penjumpaan minyak di Vietnam.

"Kami gembira kerana usaha perintis ini ternyata membuahkan kejayaan dan kami gembira Perdana Menteri dapat berada di sini untuk melaku penghormatan bagi melancarkan pengeluaran ini bersama Perdana Menteri Vietnam," katanya pada upacara pelancaran rasmi pengeluaran minyak mentah Ruby.

Selain Dr Mahathir yang berada di Hanoi sempena Sidang Kemuncak Asean keenam berakhir kelmarin, turut hadir pada pelancaran itu ialah Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai; Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Presiden Petronas, Datuk Mohd Hassan Marican.

Petronas mencatat 85 peratus dalam pemilikan ekuiti di kedua-dua blok itu, manakala baki 15 peratus dimiliki anak syarikat PetroVietnam, PetroVietnam Eploration & Production Company.

Kerja mencari gali di kedua-dua blok itu bermula pada 31 Ogos 1992 dan sektor Ruby dijumpai pada Jun 1994 dan diumumkan sebagai bernilai komersil pada 28 Ogos 1995.

Pembangunan sektor itu dibahagikan dua fasa dengan fasa satu ialah pengeluaran perintis termasuk pembinaan platform cari gali dan FPSO.

Fasa kedua atau fasa pembangunan sektor sepenuhnya, membabitkan pembinaan tiga platform tambahan dan tempat simpanan terapung serta kapal pemungkah untuk membangunkan baki simpanan Ruby dan penemuan lain berdekatan blok 01 dan 02.

Pelaksanaan pengeluaran sektor Ruby menjadi batu loncatan utama kepada Petronas dalam usahameningkat simpanan petroleum melalui eksplorasi mencari gali global.

Kejayaan pelaksanaan projek di Vietnam turut meningkatkan nilai perdagangan Kumpulan Petronas dan menyumbang ke arah mencapai matlamatnya iaitu memperolehi 30 peratus keuntungannya daripada operasi antarabangsa.

Selain sektor Ruby, Petronas beroperasi dalam sektor minyak Dai Hung di Vietnam.

Bagi aktiviti hiliran, syarikat ini terbabit dalam menyalur gas petroleum pembotolan dan pengagihan kerjasama di Hai Phing, di samping projek polyvinyl chloride di Vung Tao.

Bagi menyokong operasinya di Vietnam, Petronas menubuhkan pejabat dan kemudahan di Vung Tao, Hanoi dan Ho Chi Minh City.

Pelaburan dalam industri minyak dan gas Vietnam adalah bukti komitmen Petronas untuk menyumbang dalam pembangunan ekonomi dan industri Vietnam melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman, pemindahan teknologi serta latihan kemahiran.

Ia juga menggambarkan komitmen Malaysia dalam mengukuhkan hubungan dengan negara anggota Asean.

(END)